



KENYATAAN MEDIA
ZAIRULSHAHFUDDIN ZAINAL ABIDIN
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF ISLAMIC RELIEF MALAYSIA

Untuk Hebahan Segera

1 MAC 2019

IRM GEMBLENG TENAGA DI SOMALIA

SEPANG – Lapan orang delegasi Islamic Relief Malaysia (IRM) termasuk wakil media dan Ikon Kemanusiaan IRM, Elfaeza UI Haq ditugaskan untuk menjalani misi kemanusiaan di Somalia dalam usaha mewujudkan impak dan kesedaran mengenai cabaran yang dihadapi oleh penduduk di Somalia. Ia berlandaskan misi kemanusiaan IRM yang menitikberatkan pembangunan bersepadu ke arah kehidupan mampan.

Ketua Pegawai Eksekutif IRM, Zairulshahfuddin Zainal Abidin berkata misi itu dilakukan untuk menilai proses pelaksanaan bantuan kemanusiaan kepada penduduk Somalia oleh pejabat lapangan yang dibiayai oleh IRM selain membina hubungan dua hala dalam merancang bantuan kemanusiaan pada masa hadapan.

“Misi kemanusiaan ini adalah sebahagian daripada tanggungjawab kami untuk memastikan bantuan kemanusiaan iaitu Projek Water Wells di Balcad, Shabelle Tengah kepada penduduk Somalia direalisasikan dengan sempurna sekaligus memberi mereka harapan baharu untuk meneruskan kelangsungan hidup.”

“Ia juga bertujuan untuk membina hubungan dua hala antara IRM dengan Islamic Relief (IR) Somalia bagi membentuk pelan dan perancangan bantuan kemanusiaan pada masa akan datang,” kata Zairulshahfuddin.

Menerusi misi kemanusiaan ini, Zairulshahfuddin turut menjelaskan bahawa lawatan yang dilakukan ke Somalia merupakan salah satu inisiatif IRM dalam mengumpulkan maklumat-maklumat secara langsung berkenaan kemarau panjang melampau termasuklah maklumat lain melibatkan kempen Care4Hunger tahun ini.

Misi selama 14 hari itu melibatkan tiga lokasi utama iaitu Mogadishu, Puntland dan Somaliland. Ketika ini, kawasan Somaliland mencatatkan taburan hujan yang rendah sejak

empat hingga lima bulan lalu sekaligus mengakibatkan kemarau dan menjejaskan lebih 100 buah perkampungan di lima kawasan bersamaan 13 daerah iaitu Lughaya, Zeila, Berbera, Sheik, Burao, Odwayne, Ainabo, Lasanod, Talex, Garadag, Elafweyn, Erigavo, dan Badhan. Lebih 1.5 juta orang kini dilaporkan *National Disaster, Preparedness and Food Reserve Authority (NADFOR)* memerlukan bantuan kemanusiaan.

Mengenai Islamic Relief (IR)

Islamic Relief (IR) adalah sebuah organisasi bantuan dan pembangunan kemanusiaan antarabangsa yang bebas. IR beribu pejabat di United Kingdom dan ditubuhkan pada tahun 1984. IR telah berkhidmat di lebih dari 45 buah negara, membantu lebih daripada 120 juta orang. IR juga mempunyai rangkaian tetap di lebih 30 buah negara merangkumi 100 buah cawangan di seluruh dunia. Skop bantuan IR merangkumi bantuan kecemasan, pembangunan mampan bersepadu, pengurangan risiko bencana dan advokasi.

YABhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad telah merasmikan penubuhan Islamic Relief Malaysia (IRM) pada tahun 2005, bertujuan untuk meneruskan bantuan kemanusiaan IR di rantau Asia-Pasifik. Kini, IRM berperanan sebagai pejabat penjanaan dana dan pelaksana projek (antarabangsa & tempatan)

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai program kemanusiaan IRM, sila layari laman web rasmi IRM iaitu atau hubungi IRM di talian tetap 03-8926 3434.

Mengenai Islamic Relief (IR) Somalia

Islamic Relief Somalia mula beroperasi di Somalia pada tahun 2006 ketika bantuan pek makanan Ramadan dan daging Qurbani kepada penerima manfaat di rantau Puntland.

Sejak bantuan kemanusiaan itu, IR Somalia telah memperluaskan program bantuannya meliputi sektor pendidikan, kesihatan, air dan sanitasi, kehidupan mampan dan kesejahteraan kanak-kanak, dengan tumpuan kepada anak-anak yatim di Somalia.

Selain itu, IR Somalia telah melaksanakan projek pemulihan dan daya tahan kemarau, seperti menggali telaga air untuk mengurangkan kesan kemarau. Penyediaan sumber air yang mampan menjamin keselamatan makanan yang lebih baik dan melindungi ternakan untuk kegunaan keluarga setempat.

Bagi mereka yang ingin membuat sumbangan, salurkan sumbangan anda ke nombor-nombor akaun berikut atas nama Islamic Relief Malaysia :

MAYBANK ISLAMIC | 5621 4270 8704

CIMB ISLAMIC | 860 2073818

BANK ISLAM | 12 029 01 006564 3

AFFIN ISLAMIC | 10 671 000278 4

BANK RAKYAT | 11080 10000 35

atau melalui :

CHARITY SHOPPE | TUNAI / KAD KREDIT

MOBILE APPS | IR Malaysia

Zairulshahfuddin Zainal Abidin

Ketua Pegawai Eksekutif

Islamic Relief Malaysia

- Tamat-

**Dikeluarkan oleh,
Islamic Relief Malaysia (IRM)-Reg No: 657354-W
A-05-1, Paragon Point, Jalan Medan PB5, Seksyen 9,
Pusat Bandar, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor**
Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **Unit Media**
di talian 03-8926 3434, faks 03-8925 3434 atau
emel: Malaysia.Media@islamic-relief.org.my